

PRINSIP *MAQASID SYARIAH* DALAM PENCEGAHAN DAN PENGUATKUASAAN JENAYAH SYARIAH¹

DR. ZULFAKAR BIN RAMLEE²

PENGENALAN

Ibnu Asyur berpendapat *Maqasid al-Shar'iah al-Ammah* adalah pengertian (makna-makna) dan hikmah-hikmah yang diambil kira oleh Shari' dalam keseluruhan atau sebahagian dari aspek pensyariatannya.³

مقاصد التشريع العامة هي المعاني والحكم الملحوظة للشارع في جميع أحوال التشريع أو معظمها .

Maqasid al-Shari'ah juga bermakna “matlamat atau rahsia-rahsia yang terkandung kepada sesuatu pensyariatan hukum.”⁴

”المراد بمقاصد الشريعة: الغاية منها، والأسرار التي وضعها الشارع عند كل حكم من أحكامها“

Perbincangan Maqasid al-Shari'ah (merangkumi dharuriyyat al-khamsah atau al-usūl al-khamsah (lima dasar) iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta).⁵

Ibnu Ashur “ oleh yang demikian, antara maqasid al-Syariah yang terpenting (akbar) ialah memelihara peraturan/sistem kemasyarakatan dengan cara menutup jalan-jalan yang mendorong kepada kesukaran, fitnah dan permusuhan.” (ms.232.)

Adapun Maqasid Syariah dalam pensyariatan hukuman jenayah hudud, qisas, ta'zir dan Urush al-jinayat (gantirugi/pampasan) merangkumi tiga aspek iaitu didikan (ta'dib), kepuasan mangsa dan pencegahan. (ibnu Ashur, ms. 232)

Maqasid al-Syariah 1: Hifz al-Deen (Memelihara Agama)

Maqasid ini dibina berdasarkan banyak dalil-dalil al-Qur'an dan Hadis al-Rasul, antaranya:

¹ Program ‘Cakna Pergaulan Anda’ Cegah Jenayah Tanggungjawab Bersama,’ Anjuran JAKIM di Auditorium Masjid al-Azim, Melaka pada 10 September 2019.

² Prof. Madya di Jabatan Amalan Perundangan, Kuliiyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, IIUM.

³ Imam Muhammad al-Tahir Ibnu Asyur (m.1973), *Maqasid al-Shar'iah al-Islamiyyah*, Tunisia: Dar al-Syuhun, Cetakan ke 5, 2012, h.55.

⁴ Ilal al-Fasi, *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah wa Makarimaha*, Muassasah 'Ilal al-Fasi, 1993.

⁵ Ibnu Ashur, *Maqasid*, h.78.

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْأَسْلَامُ

وَمَنْ لَمْ يَجْعَلْ مِنَّا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Firman Allah:

[الأنفال: 39] وَقَاتَلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ كُلُّهُ لِلَّهِ

Hadis Nabi:⁶

مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُهُ

Maqasid memelihara agama Islam ini dapat dilihat dari banyak sudut antaranya:

- (i) Melaksanakan dan mengamalkan perintah dan ajaran Islam,
- (ii) jihad mempertahankan agama Islam
- (iii) larangan untuk murtad dan hukumannya
- (iv) memperkasa institusi-institusi yang mengukuhkan Agama Islam

Dari sudut perundangan Malaysia, aplikasi Maqasid ini dapat dilihat dari peruntukan undang-undang tertinggi Negara sendiri iaitu Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 11(4):

Perkara 11 (4) Perlembagaan memperuntukkan "Undang-undang Negeri dan mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan ugama antara orang-orang yang menganuti ugama Islam."

Begitu juga seperti yang terkandung dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997 di bawah kesalahan penyebaran doktrin palsu dan ajaran sesat.

Sekyen 3 menyatakan:

- (1) Mana-mana orang yang memuja alam semula jadi atau melakukan apa-apa perbuatan yang menunjukkan pemujaan atau rasa hormat kepada mana-mana orang, binatang, tempat atau benda dengan apa-apa cara yang menyalahi Hukum Syarak adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

⁶ Shahih al-Bukhari.

Begitu juga Seksyen 5:

Mana-mana orang yang mengembangkan doktrin atau kepercayaan agama selain daripada doktrin atau kepercayaan agama Islam di kalangan orang yang beragama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Dari aspek pencegahan jenayah Syariah pula, pemakaian Maqasid ini boleh dilihat di bawah Enakmen-enakmen negeri yang memperuntukkan kesalahan cubaan untuk murtad seperti Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 Pahang⁷ yang memperuntukkan bawah seksyen 9.

Percubaan keluar daripada agama Islam
 Mana-mana orang yang melakukan apa-apa percubaan keluar daripada agama Islam melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Ianya juga dapat dilihat dalam enakmen-enakmen negeri seperti Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama-agama Bukan Islam di Kalangan Orang Islam) (Negeri Sembilan) 1991 yang antara lain memperuntukkan:⁸

4(1) Seseorang adalah melakukan suatu kesalahan jika ia-

- (a) memujuk, mempengaruhi, memaksa atau menghasut; atau
- (b) mengadakan atau mengendalikan apa-apa aktiviti, pertunjukan, hiburan, atau persembahan di mana isi kandungannya atau perutusannya adalah bertujuan untuk memujuk, mempengaruhi, atau menghasut,
seorang Islam-
 - (i) supaya menjadi seorang penganut atau anggota mana-mana agama bukan Islam; atau
 - (ii) supaya cenderung kepada mana-mana agama bukan Islam; atau
 - (iii) supaya meninggalkan atau tidak suka kepada agama Islam.

⁷ ENAKMEN 11 TAHUN 2013

⁸ No 9 tahun 1991. Hanya Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak yang belum menggubal undang-undang sedemikian.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) hendaklah, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

Maqasid al-Syariah 2: al- Nafs (jiwa)

Maqasid ini dibina berdasarkan banyak dalil-dalil al-Qur'an dan Hadis al-Rasul, antaranya:

[4:29] وَلَا تَقْتُلُوا أَنْسَكُمْ

[4:93] وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُّتَعَمِّدًا فَجَرَأُهُ جَهَنَّمُ خَالِدًا فِيهَا وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعْنَهُ وَأَعَدَ اللَّهُ عَذَابًا عَظِيمًا

Maqasid memelihara jiwa/diri/nyawa ini dapat dilihat dari banyak sudut antaranya:

- i) pengharaman membunuh, membunuh diri termasuk melakukan perkara-perkara yang berkemungkinan besar membawa kepada kematian seperti aktiviti lumba haram, merempit atau terlibat dalam 'extreme sports'.
- ii) pengharaman merosakkan badan atau anggota badan samada dengan melakukan sesuatu atau meninggalkan sesuatu seperti tidak memberi makan (*dharuri*) atau terlibat dengan mogok lapar.

Dari sudut perundangan Malaysia, aplikasi Maqasid ini dapat dilihat dari peruntukan undang-undang seperti kesalahan membunuh, mencederakan orang, cubaan membunuh diri dan banyak lagi.⁹

Dari aspek penguatkuasaan jenayah Syariah pula, pemakaian Maqasid ini boleh dilihat di bawah peruntukan seksyen 10(3) ATJMS 1997 yang memperuntukkan:

- (1) Dalam membuat sesuatu penangkapan Pegawai Penguatkuasa Agama, pegawai polis atau orang lain yang membuat penangkapan itu hendaklah sebenarnya menyentuh atau mengurung tubuh orang yang hendak ditangkap itu, melainkan jika orang itu menyerah diri sama ada dengan perkataan atau melalui perbuatan.
- (2) Jika orang itu dengan menggunakan kekerasan menentang usaha untuk menangkapnya atau cuba mengelakkan penangkapan itu, pegawai atau orang lain itu bolehlah menggunakan segala langkah yang perlu untuk melaksanakan penangkapan itu.
- (3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini memberikan hak untuk menyebabkan kematian mana-mana orang.

⁹ Kanun Keseksaan, S.301, s. 323 dan 309.

Maqasid al-Syariah 4: Al-ird (kehormatan diri)

Al-Ird juga di letakkan bawah maqasid al-nasab atau al-nasal. Rujukan utama ialah surah al-Isra ayat 70:

وَلَقَدْ كَرِّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّنْ خَلْقِنَا تَفْضِيلًا

"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kendaraan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan."

Juga surah al-Munafiqun ayat 8:

يَقُولُونَ لَئِنْ رَجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ الْأَعَزُّ مِنْهَا الْأَذْلَّ وَلَلَّهِ الْعَزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَكُنَّ الْمُتَّافِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Mereka berkata: "Sesungguhnya jika kita telah kembali ke Madinah, benar-benar orang yang kuat akan mengusir orang-orang yang lemah dari padanya". Padahal kekuatan itu hanyalah bagi Allah, bagi Rasul-Nya dan bagi orang-orang mukmin, tetapi orang-orang munafik itu tiada mengetahui.

Maqasid ini juga terkandung dalam hadith al-Syarif semasa Nabi Shallallahu alahi wasalam menyampaikan khutbah wida.

"Wahai seluruh manusia! Sesungguhnya darah kalian dan harta kekayaan kalian merupakan kemuliaan (haram diambil oleh orang lain) bagi kalian semua, sebagaimana mulianya hari ini, di bulan yang mulia ini dan di negeri yang mulia ini.."

Maka dari aspek pencegahan jenayah, maqasid ini memperuntukan bahawa:

1. Sesorang itu tidak boleh di aibkan sebelum didapati bersalah. Kerana asalnya seseorang itu tidak bersalah. (al-asl al-adam) juga Madah 8 al-Majalah al-Ahkam al-Adliyyah. Apatah lagi dalam perkara yang melibatkan Haqullah al-Khalisah.¹⁰
2. Hak privasinya yang melibatkan kesalahan Haqullah al-Khalisah tidak boleh dicerobohi atau diintip.¹¹

¹⁰ Ibnu Farhun, Tabsirat, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Jilid 1, h. 176-177.

¹¹ Ibid. Jilid 2, h. 149. (lihat juga athar Saidina Umar dan Abdul Rahman).

3. Begitu juga dalam pengeledahan diri atau tubuh. Aurat dan kehormatan dirinya mestilah dihormati.¹²
4. Begitu juga semasa tangkapan dibuat. Sekiranya suspek menyerah diri maka tidak sepatutnya beliau dihina atau semasa ditahan dengan merendah-rendah kemuliaannya.¹³
5. Sebab itu jugalah sekiranya suspek hendak ditangkap apatah lagi ditahan, memerlukan sebab atau alasan yang kuat.¹⁴ (s.18) Tempoh tahanan pada asalnya tidak melebihi 24 jam.¹⁵ Al-Rasul juga pernah menahan suspek selama satu hari satu malam.¹⁶

Suspek boleh ditahan lebih dari 24 jam sekiranya wujudnya *maslahah* yakni penahanannya itu lebih memberi kebaikan seperti ruang kepada penyiasatan disamping menolak *mafsadah* iaitu kemungkinan suspek akan mengulangi kesalahan atau maksiat.

6. Demi memelihara kehormatan diri suspek, jaminan (*kafalah*) atau bail boleh diberi kepada suspek.¹⁷ (s. 185 ATJMS 1997).
7. Maqasid al-Syariah ini juga menatijahkan agar tertuduh dilepaskan jika Mahkamah mendapati pertuduhan terhadap suspek adalah tidak berdasas. Begitu juga berkemungkinan dibebaskan sekiranya pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie.¹⁸ (s. 96 (f) dan (g)).

¹² ATJMS 1997 Seksyen 14(2) Bilamana perlu untuk menyebabkan seseorang itu diperiksa, pemeriksaan itu hendaklah dibuat oleh seorang yang sama jantinanya dengan orang yang diperiksa itu dengan memberikan perhatian tegas tentang kesopanan.

¹³ Rujuk kes al-Ghamidiyyah yang namanya diejek selepas hukuman.

¹⁴ S.18 ATJMS 1997 "... mana-mana Pegawai Penguatkuasa Agama, pegawai polis atau Pegawai Masjid boleh, tanpa perintah daripada Hakim dan tanpa waran, menangkap---- (a) mana-mana orang yang kena-mengena dengan apa-apa kesalahan boleh tangkap di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan atau yang terhadapnya suatu aduan yang munasabah telah dibuat atau maklumat yang boleh dipercayai telah diterima atau syak yang munasabah wujud bahawa dia telah kena-mengena sedemikian;"

¹⁵ S.22(2) ATJMS 1997 "(2) Tiada Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis boleh menahan dalam jagaan seseorang yang ditangkap tanpa waran selama tempoh yang lebih lama daripada yang munasabah dalam segala hal keadaan kes itu. (3) Tempoh itu tidak boleh melebihi dua puluh empat jam, tidak termasuk masa yang perlu bagi perjalanan dari tempat penangkapan ke Mahkamah itu.

¹⁶ Riwayat Abu Daud, al-Tarmizi dan Al Nasai. Juga dalam al-Mustadrak.

¹⁷ S.185 ATJMS "Apabila mana-mana orang ditangkap atau ditahan tanpa waran oleh seseorang Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis atau hadir atau dibawa di hadapan suatu Mahkamah dan dia bersedia pada bila-bila masa semasa dalam jagaan pegawai itu atau pada mana-mana peringkat prosiding di hadapan Mahkamah itu untuk memberikan jaminan, maka orang itu hendaklah dilepaskan atas jaminan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis yang menjaga balai polis atau oleh mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau oleh Mahkamah itu."

¹⁸ S.96 (f) ATJMS 1997 "jika, selepas mengambil segala keterangan yang disebut dalam perenggan (c), (d) dan (e), Mahkamah mendapati bahawa tiada kes terhadap tertuduh telah diwujudkan yang jika tak dipatahkan akan

Dari aspek hukuman, maqasid Hifz al-Ird ini menetapkan hukuman hudud kepada penqadhaf. Surah al-Nur ayat 4.

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءٍ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدًا وَلَا تَقْبِلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا هُمْ أَوْلَئِكَ الْفَاسِقُونَ

“Dan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik (berbuat zina) dan mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka deralah mereka (yang menuduh itu) delapan puluh kali dera, dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat selama-lamanya. Dan mereka itulah orang-orang yang fasik.”

Dalam konteks perundangan Islam di Malaysia, hukuman ta’zir telah diperuntukan bagi kesalah qadhaf ini. Seksyen 41 AKJS 1997.

“Kecuali dalam kes *li'an*, mana-mana orang yang menuduh orang lain melakukan *zina* tanpa mengemukakan, mengikut Hukum Syarak, empat orang saksi lelaki atau *iqrar* orang yang dituduh itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”

PENUTUP

Saya petik ungkapan Sheikh Ibnu Ashur “ Sebagai ringkasan, kita boleh katakan dengan yakin bahawa keseluruhan hukum-hukum Syariah telah merangkumi maqasid Pengubal, iaitu segala hikmahnya, kemaslahatannya dan manfaatnya. Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajipan para ulama untuk megenalpasti sebab-musabab (‘alal) dan tujuan sesuatu pensyariatan samada yang terang /zahir atau tersembunyi. Sekiranya ulama sebelum ini tidak dapat menemuinya atau merungkai jawapannya, ini tidak bermakna ulama masa kini akan turut sama gagal dalam mencari jawapannya.”¹⁹

Bagi para pengubal undang-undang, menguasai ilmu maqasid ini akan banyak membantu dalam merealisasikan tujuan sebenar pensyariatan hukum-hukum Islam itu sendiri. Bagi para penguatkuasa pula, ilmu maqasid ini memberi mereka peluang untuk menjawai setiap peraturan dan undang-undang yang mereka kuatkuasakan.

(Nota: Prof Wahbah al-Zuhaili membincangkan bawah tajuk Kebebasan (al-hurriyyah) ms.88)

mewajarkan sabitannya, maka Mahkamah hendaklah merekodkan perintah pembebasan.” Manakala S.96(g) memperuntukkan: “ tiada apa-apa jua dalam perenggan (*f*) boleh disifatkan sebagai menghalang Mahkamah daripada melepaskan tertuduh pada mana-mana peringkat terdahulu dalam kes itu jika bagi sebab-sebab yang hendaklah direkodkan oleh Mahkamah ia berpendapat pertuduhan itu tidak berasas;”

¹⁹ Ibnu Ashur, h. 51.